

Modaliti dalam Teks Perutusan Khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk Membendung Penularan Wabak COVID-19 di Malaysia

Muhammad Faizul Abd Hamid^{1*}, Mohd Azidan Abdul Jabar², Rozita Che Rodi¹
dan Adlina Ab. Halim³

¹Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

²Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

³Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Ucapan merupakan salah satu peristiwa bahasa yang melibatkan penyampaian maklumat yang mampu mencerminkan hubungan sosial. Hubungan sosial ini boleh digambarkan menerusi penggunaan modaliti tertentu. Sehubungan dengan itu, makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan modaliti oleh Perdana Menteri Malaysia Kelapan dalam teks ucapan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menjelaskan hubungan sosial yang dibina berdasarkan penggunaan modaliti tertentu. Sebanyak lapan teks ucapan telah dimuat turun menerusi laman sesawang rasmi Pejabat Perdana Menteri (<https://www.pmo.gov.my/speech/>). Pendekatan kualitatif dan kuantitatif telah diterapkan bersama teori analisis wacana kritis yang dibangunkan oleh Fairclough (2013). Hasil penelitian mendapati bahawa sepuluh jenis modaliti telah digunakan, iaitu modaliti ‘boleh’, ‘dapat’, ‘nak’, ‘mesti’, ‘mungkin’, ‘perlu’, ‘ingin’, ‘hendak’, ‘pasti’ dan ‘mahu’. Modaliti yang digunakan oleh pewacana juga mempunyai dua tujuan, iaitu untuk memberikan perintah

dan menyampaikan informasi. Berdasarkan perbandingan, modaliti informatif lebih banyak digunakan berbanding dengan modaliti perintah. Penggunaan modaliti informatif telah membuktikan bahawa pewacana cenderung membina hubungan sosial yang santai dengan pendengar apabila menyampaikan maklumat. Penggunaan modaliti perintah juga menunjukkan bahawa

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 10 January 2022

Accepted: 21 June 2022

Published: 03 November 2022

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.4.09>

E-mail addresses:

reach.faizul@gmail.com (Muhammad Faizul Abd Hamid)
azid@upm.edu.my (Mohd Azidan Abdul Jabar)
ita_cherodi@upm.edu.my (Rozita Che Rodi)
adlina@upm.edu.my (Adlina Ab. Halim)

* Corresponding author

pewacana turut membentuk hubungan sosial yang tegas dengan pendengar apabila mengusulkan permintaannya. Secara jelas, kajian ini bukan sahaja menganalisis aspek bahasa semata-mata, tetapi turut menjelaskan cara bahasa disusun atur oleh kerajaan untuk menyampaikan maklumat ketika negara mengalami darurat kesihatan global.

Kata kunci: COVID-19, modaliti, Perdana Menteri Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), teks perutusan

Modality in the Movement Control Order (MCO) Speech Texts to Curb the Spread of COVID-19 in Malaysia

ABSTRACT

Speech is a form of language involving the delivery of information that enhances social interactions. Certain modalities are used to characterize these social relationships. Therefore, this study aims to identify the modalities employed by Malaysia's Prime Minister in the Movement Control Order (MCO) speech text and to describe the social interactions attempted to be established based on the usage of these modalities. Eight speech texts are downloaded from the official website of the Prime Minister's Office (<https://www.pmo.gov.my/speech/>). Qualitative and quantitative approaches are applied alongside Fairclough's (2013) critical discourse analysis theory. The results of the study revealed that there are ten types of modalities used, namely the modality 'boleh', 'dapat', 'nak', 'mesti', 'mungkin', 'perlu', 'ingin', 'hendak', 'pasti' dan 'mahu'. The speaker's modalities are utilised for two different purposes, namely to give commands and convey information. In comparison, the informative modality is more often utilised than the command modality. The informative modalities usage has proven that the speaker tends to build social relationships that are relaxed in nature with listeners. On the other hand, the command modality usage has hinted that the speaker also builds a formal and serious social relationship with the listeners when proposing his requests. This study not only examines the aspects of language alone but also explores how political organisations manage language in speech texts to convey information when a country is experiencing a global health emergency.

Keywords: COVID-19, modality, Movement Control Order (MCO), Prime Minister of Malaysia, speech text

PENGENALAN

Sewaktu penularan wabak COVID-19 di Malaysia, kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah dengan pelaksanaan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sewaktu PKP dilaksanakan, terdapat

pelbagai larangan yang perlu dipatuhi oleh orang ramai. Sewaktu pelaksanaan beberapa fasa PKP juga, Perdana Menteri Malaysia telah menjadikan teks perutusan khas sebagai alat untuk menyampaikan maklumat yang berkaitan dengan

pelaksanaan perintah tersebut kepada rakyat. Selain mengandungi maklumat tentang pelaksanaan PKP, perutusan khas tersebut juga mengandungi pelbagai maklumat lain, seperti punca penularan, langkah pencegahan, penawar dan banyak lagi. Penyampaian teks perutusan khas ini menunjukkan bahawa terdapat peristiwa bahasa yang berlaku. Peristiwa bahasa yang dimaksudkan dalam makalah ini merujuk cara pewacana mengorientasikan bahasanya untuk mencapai matlamat tertentu.

Dalam konteks wacana politik, Wodak (2009) menegaskan bahawa bahasa yang digunakan dalam ucapan politik merupakan alat yang menggabungkan idea. Menurut Rohaidah Haron et al. (2019), bahasa penting bagi seseorang pemimpin kerana pelbagai perkara boleh ditafsir melalui wacana seseorang pemimpin. Dalam teks perutusan khas PKP, bahasa yang digunakan oleh pewacana bukan sahaja dijadikan alat untuk menyampaikan idea semata-mata, tetapi bahasanya juga mampu menggambarkan hubungan sosial yang ingin dibina dengan rakyatnya. Hubungan sosial ini boleh digambarkan menerusi penggunaan modaliti tertentu. Menurut Idris Aman (2006), penelitian terhadap modaliti bukan sahaja bertujuan untuk memahami aspek ideasional, seperti memberikan maklumat dan menggambarkan tanggungjawab semata-mata, tetapi modaliti juga berperanan untuk mengesan aspek interpersonal, iaitu hubungan sosial.

Walaupun terdapat beberapa kajian lepas yang meneliti aspek modaliti, fokus kajian tetap berlainan mengikut tujuan

kajian masing-masing. Penggunaan modaliti yang lebih menyeluruh juga perlu diberikan perhatian. Setakat yang diteliti, kajian-kajian lepas yang melibatkan aspek modaliti telah meneliti hubungan sosial antara pemimpin utama dengan rakyat, pemimpin dengan pemimpin yang berlainan posisi parti dan pengirim dengan penerima warkah sosial. Hal ini menunjukkan bahawa kajian modaliti yang meneliti hubungan sosial antara pemimpin dengan rakyat ketika berhadapan dengan ancaman COVID-19 di Malaysia masih belum dilakukan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan modaliti dalam teks ucapan PKP dan menghuraikan hubungan sosial yang dibina antara Perdana Menteri Malaysia dengan rakyatnya.

SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian dalam makalah ini dikelaskan kepada dua bahagian, iaitu kajian linguistik yang melibatkan wabak COVID-19 dan kajian yang berkaitan dengan modaliti. Daripada sudut linguistik, kemunculan wabak COVID-19 dilihat telah membuka ruang kepada pembentukan istilah baharu dalam sesbuah bahasa, seperti bahasa Melayu (Junaini Kasdan et al., 2020), bahasa Arab (Haddad & Montero-Martínez, 2020), bahasa Jerman (Kuße, 2021) dan bahasa Inggeris (Al-Salman & Haider, 2021). Menurut Kuße (2021), wabak COVID-19 telah mewujudkan banyak istilah baharu pada skala yang besar. Junaini Kasdan et al. (2020) turut menambah dengan menyatakan bahawa pembentukan istilah baharu yang disebabkan oleh penularan

wabak COVID-19 telah memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu dan sekali gus menyebabkan bahasa Melayu terus berkembang selari dengan peredaran zaman.

Kemunculan wabak COVID-19 juga telah meningkatkan penggunaan metafora peperangan dalam teks ucapan pemimpin negara dan media berita di Perancis (Combes, 2020), Sepanyol (Rico & Herrero, 2020) dan United Kingdom (Tisdall, 2020). Menurut Olimat (2020), bekas Presiden Amerika Syarikat, iaitu Donald Trump turut memanfaatkan metafora peperangan untuk menaikkan semangat rakyatnya ketika berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19. Hasil yang sama juga ditemukan dalam kajian Kumaran (2020) apabila Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Singapura memanfaatkan metafora peperangan untuk meletakkan rakyat mereka dalam keadaan yang ‘diancam’. Pemimpin negara juga dilihat telah menggunakan pelbagai strategi retorik. Menurut Alkhawaldeh (2021), kerajaan Jordan telah menggunakan strategi retorik untuk meyakinkan orang ramai agar menyokong usaha mengekang ancaman wabak COVID-19.

Teknik retorik penghujahan yang digunakan melalui frasa “*saving lives*” (“menyelamatkan nyawa”) telah menggesa warga New Zealand untuk membendung wabak COVID-19 (Bui et al., 2021). Perdana Menteri Pakistan, iaitu Imran Khan juga telah menggunakan strategi retorik penghujahan untuk memujuk orang ramai agar mengikuti langkah berjaga-

jaga dengan pemanfaatan frasa “*the only cure*” (“satu-satunya penawar”) semasa ketidaaan vaksin pada ketika itu (Iqbal et al., 2020). Secara keseluruhan, kajian linguistik yang melibatkan wabak COVID-19 telah mendapat perhatian pengkaji-pengkaji terdahulu dengan fokus dan tujuan kajian yang berbeza-beza. Keadaan ini turut memberikan persepsi bahawa wabak COVID-19 perlu diselidiki daripada sudut linguistik dengan fokus atau tujuan yang pelbagai.

Daripada sudut kajian yang melibatkan modaliti, Idris Aman (2006) telah meneliti penggunaan modaliti dalam 18 teks perutusan tahun baharu yang disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia Keempat, iaitu Mahathir Mohamad. Hasil kajian menunjukkan bahawa modaliti perintah yang digunakan oleh Mahathir Mohamad lebih dominan berbanding dengan modaliti informatif. Dominasi ini telah menunjukkan bahawa perutusan ini sarat dengan permintaan terhadap rakyat yang dipimpinnya. Dominasi modaliti perintah juga secara tidak langsung telah mempamerkan amalan kepimpinan Mahathir Mohamad yang bersifat tegas. Amalan kepimpinan tegas merujuk nilai kesungguhan pewacana dalam usaha mengutarakan idealisme kepimpinannya kepada rakyat. Menurut Idris Aman (2006), penggunaan modaliti ini selari dengan zaman kepimpinan beliau yang meminta-minta untuk membangunkan ekonomi baharu.

Kemudian, Rohaidah Haron (2016) pula menganalisis penggunaan modaliti dalam siri ucapan Perdana Menteri Malaysia

Kelima, iaitu Mohd Najib Razak dalam Perhimpunan Agung Parti Politik United Malays National Organisation (UMNO). Rohaidah Haron mendapati bahawa Mohd Najib Razak telah menggunakan modaliti perintah ‘perlu’ lebih banyak berbanding dengan ‘mesti.’ Menurut Rohaidah Haron lagi, modaliti ‘perlu’ lebih bersifat toleransi, manakala modaliti ‘mesti’ mempunyai maksud yang lebih tegas. Dominasi modaliti ‘perlu’ telah menunjukkan bahawa Mohd Najib Razak telah mengambil pendekatan mesra rakyat dan tidak menampakkan beliau menggunakan kuasa atau paksaan sebagai seorang ketua ketika mengusulkan permintaanya kepada rakyat. Secara tidak langsung, penggunaan modaliti ‘perlu’ ini juga telah menunjukkan imej mesra yang cuba ditonjolkan oleh Mohd Najib Razak kepada rakyat yang dipimpinnya.

Selain itu, Muhammad Hisyam Haliah dan Ab. Razak Ab. Karim (2019) membincangkan penggunaan modaliti dalam warkah-warkah sosial Melayu dari abad ke-17 hingga abad ke-19. Menurut Muhammad Hisyam Haliah dan Ab. Razak Ab. Karim, modaliti menunjukkan cara pengirim mengekspresikan sikap terhadap sesuatu yang dibangkitkan dalam kandungan warkah. Dayang Sariah Abang Suhai et al. (2020) meneliti modaliti yang digunakan oleh dua buah pihak dalam perbahasan parlimen di Malaysia, iaitu pihak kerajaan dan pembangkang. Berdasarkan penelitian, hubungan sosial yang dibina oleh pihak kerajaan bersifat serius dan lebih berkuasa kerana menggunakan modaliti perintah dengan kerapnya. Hubungan sosial yang

dibina oleh pihak pembangkang pula bersifat santai kerana menggunakan modaliti informatif yang banyak. Dapatan Dayang Sariah Abang Suhai et al. telah memberikan implikasi bahawa penggunaan modaliti antara pihak kerajaan dengan pembangkang mampu menunjukkan kekuasaan bahasa.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memanfaatkan dua pendekatan, iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif yang dimanfaatkan dalam kajian ini bertujuan untuk mengira kekerapan setiap jenis modaliti yang digunakan dalam teks perutusan khas PKP. Kekerapan setiap jenis modaliti amat penting kerana pola penggunaannya mampu menggambarkan hubungan sosial (Fairclough, 2013). Dalam pendekatan kualitatif, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mentafsir dan menghuraikan penggunaan setiap jenis modaliti yang terdapat dalam teks perutusan khas PKP.

Data Kajian

Terdapat lapan teks perutusan khas PKP telah dijadikan sebagai data kajian. Teks ini telah disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia Kelapan, iaitu Muhyiddin Mohd Yassin. Teks ini telah dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Pejabat Perdana Menteri (2021) yang diperoleh pada 20 Mei 2021. Jadual 1 di bawah menunjukkan butiran penuh teks perutusan khas PKP yang dijadikan sebagai data kajian.

Jadual 1
Butiran penuh teks perutusan khas PKP

Abj.	Tajuk	Tarikh Diterbitkan
A.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1	16 Mac 2020
B.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 2	25 Mac 2020
C.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3	10 April 2020
D.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 4	23 April 2020
E.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	10 Mei 2020
F.	Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	07 Jun 2020
G.	Perutusan Khas: Perkembangan Terkini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	20 Julai 2020
H.	Perutusan Khas: Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)	28 Ogos 2020

Teori Kajian

Dalam kajian ini, teori analisis wacana kritis oleh Fairclough (2013) akan digunakan. Teori ini menyarankan tiga aspek analisis, iaitu analisis tekstual, amalan wacana dan amalan sosial. Namun begitu, untuk memenuhi keperluan kajian, analisis kajian ini hanya tertumpu pada dimensi tekstual dan amalan sosial. Fairclough menjelaskan bahawa analisis dalam dimensi tekstual melibatkan empat komponen, iaitu leksikal, nahu, tautan dan struktur teks. Namun begitu, dimensi tekstual yang difokuskan dalam kajian ini ialah komponen nahu yang tertumpu pada modaliti. Seterusnya,uraian modaliti ini akan dikaitkan dengan dimensi amalan sosial, iaitu hubungan sosial yang dibina antara pewacana dengan rakyatnya. Penelitian sebegini selaras dengan tujuan analisis modaliti yang ingin menentukan hubungan sosial yang dibina dalam sesebuah teks (Fairclough, 2013).

Secara umumnya, modaliti merujuk kepada bagaiman sikap ataupun perasaan pewacana. Sikap ini boleh digambarkan melalui penyataan yang diujarkan dengan

modaliti tertentu (Liaw & Abdullah Hassan, 1994). Idris Aman (2006) pula menyatakan bahawa modaliti merupakan ciri teks yang mampu menunjukkan sikap pewacana terhadap ujarannya, seperti berkeyakinan, berhati-hati, pasti, berbelah bahagi, tentatif dan arif. Modaliti juga berupaya memberikan makna tambahan, seperti permintaan komitmen, tanggungjawab, keinginan, kebenaran dan pengesahan. Kenyataan ini selaras dengan pandangan Hodge dan Kress (1993) yang menegaskan bahawa modaliti mampu menggambarkan pengetahuan ataupun darjah kuasa sesuatu ujaran. Menurut Asmah Omar (2015) pula, modaliti berperanan untuk memberikan ciri ‘suasana’ kepada perbuatan ataupun keadaan yang dirujuk oleh kata kerja leksikal.

Misalnya, modaliti ‘hendak’ dan ‘mahu’ merujuk maksud kehendak. Modaliti ‘boleh’ dan ‘dapat’ merujuk maksud keupayaan dan keizinan. Modaliti ‘mesti’, ‘wajib’ dan ‘harus’ merujuk kemestian. Modaliti ‘perlu’ merujuk keperluan. Modaliti ‘mungkin’ merujuk kemungkinan dan modaliti ‘enggan’ merujuk perasaan tidak

mahu. Secara jelas, analisis wacana kritis bertujuan untuk meneliti penggunaan modaliti daripada fungsi interpersonal dan fungsi ideasionalnya. Fungsi-fungsi ini menggambarkan hubungan sosial yang ingin diwujudkan oleh pewacana dengan khalayak sasarannya. Proses ini dimulakan dengan penelitian jenis-jenis modaliti yang paling kerap dimanfaatkan dalam wacana (Fairclough, 2013). Kemudian, penggunaan modaliti yang kerap mampu mengenal pasti sikap pewacana. Sikap yang dikenal pasti ini kemudiannya dapat mentafsir bentuk hubungan sosial yang wujud, seperti formal, jarak, rapat ataupun sederhana.

Tatacara Analisis

Tatacara analisis dalam kajian ini meliputi empat tahap. Tahap pertama ialah peringkat memilih data. Tahap ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada data yang dipilih sesuai dengan fokus kajian ataupun tidak. Tahap kedua ialah peringkat pengekodan. Pengekodan ialah sistem rujukan yang diberikan kepada data kajian (Leavy, 2014). Pengekodan mampu memudahkan penelitian dan pembacaan (Muhammad Faizul Abd Hamid & Harishon Radzi, 2020). Sehubungan dengan itu, semua teks perutusan ditandakan dengan sistem rujukan yang mengandungi maklumat seperti jenis teks perutusan, perenggan, ayat dan modaliti yang digunakan. Contoh pengekodan adalah seperti berikut:

- D.13. (a) Saya diberikan taklimat oleh pihak Majlis Keselamatan Negara bahawa peningkatan kes-

kes positif COVID-19 dijangka meningkat lebih tinggi sekiranya kita tidak melakukan apa-apa. (b) Jumlahnya **mungkin** meningkat berkali-kali ganda lagi seperti yang berlaku di beberapa buah negara lain.

Berdasarkan pengekodan tersebut, label D merujuk Teks Perutusan Khas: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 2 (rujuk Jadual 1). Nombor 13 pula merujuk perenggan ke-13. Abjad yang berada dalam kurungan seperti (a) dan (b) merujuk ayat pertama dan kedua. Perkataan yang ditebalkan merujuk jenis modaliti yang digunakan. Tahap ketiga ialah penulisan hasil dapatan berdasarkan objektif kajian. Tahap terakhir merupakan usaha merumuskan dapatan kajian dan menyatakan impak kajian kepada bidang linguistik dan masyarakat.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis terhadap lapan teks perutusan khas PKP, sebanyak 249 kali modaliti digunakan dan melibatkan sepuluh jenis modaliti, iaitu modaliti ‘boleh’, ‘dapat’, ‘nak’, ‘mesti’, ‘mungkin’, ‘perlu’, ‘ingin’, ‘hendak’, ‘pasti’ dan ‘mahu’. Modaliti ‘boleh’ menunjukkan penggunaan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 64 kali (25.7%), diikuti modaliti ‘dapat’ sebanyak 35 kali (14.06%), seterusnya modaliti ‘nak’ sebanyak 28 kali (11.24%), modaliti ‘mesti’ sebanyak 28 kali (11.24%), modaliti ‘mungkin’ sebanyak 27 kali (10.84%), modaliti ‘perlu’ sebanyak 20 kali

(8.03%), modaliti ‘ingin’ sebanyak 16 kali (6.43%), modaliti ‘pasti’ sebanyak 15 kali (6.03%), modaliti ‘hendak’ sebanyak 10 kali (4.02%), dan modaliti ‘mahu’ sebanyak 6 kali (2.41%). Berdasarkan penggunaannya pula, modaliti yang dimanfaatkan oleh pewacana terbahagi kepada dua jenis fungsi, iaitu sebagai modaliti informatif dan perintah. Modaliti informatif digunakan sebanyak 188 kali (75.50%), iaitu lebih tinggi berbanding dengan penggunaan modaliti perintah, iaitu sebanyak 61 kali (24.50%). Penggunaan modaliti informatif dan perintah menunjukkan bahawa teks perutusan khas PKP bukan sahaja bertujuan untuk menyampaikan maklumat yang berkaitan dengan wabak COVID-19 dan pelaksanaan beberapa fasa PKP kepada rakyat, malah menghendaki rakyat melakukan sesuatu tindakan susulan. Jumlah keseluruhan jenis modaliti dan fungsi modaliti dalam teks perutusan khas PKP boleh dilihat dalam Jadual 2 di bawah.

Penggunaan modaliti informatif dalam teks perutusan khas PKP melibatkan sembilan

daripada sepuluh jenis modaliti, iaitu modaliti ‘boleh’, ‘dapat’, ‘nak’, ‘mungkin’, ‘perlu’, ‘ingin’, ‘hendak’, ‘pasti’ dan ‘mahu’. Modaliti ‘boleh’ menunjukkan penggunaan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 48 kali (25.53%), diikuti modaliti ‘dapat’ sebanyak 35 kali (18.62%), seterusnya modaliti ‘nak’ sebanyak 28 kali (14.89%), modaliti ‘mungkin’ sebanyak 27 kali (14.36%), modaliti ‘ingin’ sebanyak 16 kali (8.51%), modaliti ‘pasti’ sebanyak 15 kali (7.98%), modaliti ‘perlu’ sebanyak 8 kali (4.26%), modaliti ‘mahu’ sebanyak 6 kali (3.19%) dan modaliti ‘hendak’ sebanyak 5 kali (2.66%). Penggunaan modaliti perintah pula melibatkan empat daripada sepuluh jenis modaliti, iaitu modaliti ‘mesti’, ‘perlu’, ‘boleh’ dan ‘hendak’. Modaliti ‘mesti’ menunjukkan penggunaan modaliti perintah yang tertinggi, iaitu sebanyak 28 kali (45.90%), diikuti modaliti ‘boleh’ sebanyak 16 kali (26.23%), modaliti ‘perlu’ sebanyak 12 kali (19.67%) dan modaliti ‘hendak’ sebanyak 5 kali (8.20%).

Jadual 2

Jumlah keseluruhan jenis modaliti dan fungsi modaliti dalam teks perutusan khas PKP

Jenis modaliti	Modaliti informatif	Modaliti perintah	Jumlah keseluruhan
Boleh	48 (25.53%)	16 (26.23%)	64 (25.7%)
Dapat	35 (18.62%)	0 (00.00%)	35 (14.06%)
Nak	28 (14.89%)	0 (00.00%)	28 (11.24%)
Mesti	0 (00.00%)	28 (45.90%)	28 (11.24%)
Mungkin	27 (14.36%)	0 (00.00%)	27 (10.84%)
Perlu	8 (4.26%)	12 (19.67%)	20 (8.03%)
Ingin	16 (8.51%)	0 (00.00%)	16 (6.43%)
Pasti	15 (7.98%)	0 (00.00%)	15 (6.03%)
Hendak	5 (2.66%)	5 (8.20%)	10 (4.02%)
Mahu	6 (3.19%)	0 (00.00%)	6 (2.41%)
Jumlah keseluruhan	188 (75.50%)	61 (24.50%)	249 (100%)

Modaliti Informatif

Modaliti informatif yang digunakan oleh pewacana merupakan ujaran yang menerangkan sesuatu perkara ataupun keadaan yang berkaitan dengan wabak COVID-19. Bukan itu sahaja, modaliti informatif juga digunakan oleh pewacana untuk memberikan maklumat tentang pelaksanaan PKP. Kenyataan ini selari dengan dakwaan Halliday (1994) yang menegaskan bahawa modaliti informatif ialah ujaran yang bercirikan makluman. Dalam erti kata lain, modaliti informatif tidak mempunyai sebarang unsur tanggungjawab seperti yang wujud dalam modaliti perintah (Idris Aman, 2006). Huraian lanjut bagi setiap jenis modaliti informatif adalah seperti di bawah.

Modaliti Informatif ‘boleh’. Modaliti informatif ‘boleh’ merupakan modaliti informatif yang paling banyak digunakan oleh pewacana, iaitu sebanyak 48 kali. Modaliti informatif ‘boleh’ merujuk penyataan informasi yang membawa maksud keupayaan dan keizinan (Asmah Omar, 2015). Berdasarkan teks perutusan khas yang dikaji, penggunaan modaliti informatif ‘boleh’ telah menggambarkan keizinan yang diberikan oleh pewacana kepada rakyat terhadap sesuatu tindakan ataupun perkara. Contoh penggunaan modaliti informatif ‘boleh’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

1. A.20. (a) Jika saudara-saudari mempunyai sebarang pertanyaan berhubung Perintah

Kawalan Pergerakan, saudara-saudari **boleh** menghubungi Pusat Pengurusan Operasi Negara di talian hotline 03-88882010 bermula jam 12 tengah hari esok.

2. H.11. (a) Walaupun PKPP dilanjutkan, saya yakin kehidupan saudara-saudari tidak akan terjejas kerana aktiviti harian **boleh** dilaksanakan seperti biasa dengan pembudayaan norma baharu dan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan.

Pada data 1, kata modaliti “**boleh**” dalam ayat (a) menunjukkan keizinan yang diberikan oleh pewacana kepada rakyat untuk menghubungi Pusat Pengurusan Operasi Negara. Kebenaran ini diberikan kepada rakyat sekiranya rakyat mempunyai sebarang soalan tentang PKP yang dilaksanakan. Pada data 2 pula, pewacana menyatakan bahawa beliau yakin akan keupayaan rakyat. Secara jelas, kata modaliti “**boleh**” yang digunakan dalam ayat (a) menunjukkan keupayaan rakyat melakukan aktiviti harian walaupun PKPP dilanjutkan. Namun begitu, aktiviti yang dilakukan perlu mengikuti garis panduan keselamatan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Modaliti Informatif ‘dapat’. Modaliti informatif ‘dapat’ merupakan modaliti informatif yang kedua tertinggi digunakan oleh pewacana, iaitu sebanyak 35 kali. Modaliti informatif ‘dapat’ merujuk

penyataan informasi yang membawa maksud keupayaan (Tan, 1992). Tambah beliau lagi, modaliti informatif ‘dapat’ dan ‘boleh’ mempunyai makna yang sama, iaitu makna keupayaan. Sehubungan dengan itu, modaliti informatif ‘dapat’ dan ‘boleh’ menunjukkan penggunaan yang tinggi kerana modaliti ini dimanfaatkan secara bersilih ganti untuk menggambarkan maksud keupayaan. Namun begitu, Asmah Omar (2015) menyatakan bahawa modaliti informatif ‘dapat’ mempunyai makna keupayaan dan hanya boleh menggantikan modaliti informatif ‘boleh’ yang merujuk maksud keupayaan. Berdasarkan teks perutusan yang dikaji, penggunaan modaliti informatif ‘dapat’ menggambarkan keupayaan sesuatu tindakan atau perkara. Contoh penggunaan modaliti informatif ‘dapat’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

3. B.16. (a) Usaha-usaha akan terus dibuat untuk mencegah penularan COVID-19 sehinggalah kita benar-benar **dapat** membendung wabak ini dengan cara memutuskan rantai jangkitan sepenuhnya.
4. E.36. (b) Hasil pelaksanaan PKPB hanya **dapat** dilihat dalam tempoh beberapa minggu lagi.

Pada data 3, pewacana memanfaatkan kata modaliti “**dapat**” dalam ayat (a) untuk menyatakan informasi yang merujuk keupayaan membendung penularan wabak COVID-19 melalui usaha-usaha yang berterusan. Secara jelas, pewacana

menyatakan bahawa usaha-usaha mencegah dan mengawal akan terus dibuat sehingga penularan wabak COVID-19 boleh dibendung sepenuhnya. Pada data 4 pula, kata modaliti “**dapat**” dalam ayat (b) digunakan untuk menyatakan informasi yang merujuk keupayaan melihat hasil pelaksanaan PKPB. Berdasarkan ayat berkenaan, pewacana menyatakan, dalam beberapa minggu lagi, pelaksanaan PKPB baru dapat dilihat dan dikaji.

Modaliti Informatif ‘nak’. Modaliti informatif ‘nak’ merupakan modaliti informatif yang ketiga tertinggi digunakan oleh pewacana, iaitu sebanyak 28 kali. Modaliti informatif ‘nak’ merupakan modaliti bersifat informasi yang merujuk kehendak. Modaliti informatif ‘nak’ yang digunakan oleh pewacana dalam teks perutusan bertujuan untuk merujuk kemahuannya melakukan sesuatu perkara atau tindakan. Modaliti informatif ‘nak’, ‘mahu’, ‘hendak’ dan ‘ingin’ mempunyai makna yang sama (Haslina Haroon & Hasuria Che Omar, 2017). Modaliti informatif ‘nak’ juga merupakan singkatan kepada ‘hendak’ (Asmah Omar, 2015). Namun begitu, modaliti informatif ‘nak’ sering digunakan dalam bahasa percakapan seharian. Berdasarkan kenyataan ini, pengkaji berpendapat bahawa pewacana memanfaatkan lebih banyak modaliti informatif ‘nak’ berbanding dengan modaliti informatif ‘hendak’ untuk mewujudkan suasana penyampaian maklumat yang santai. Contoh penggunaan modaliti informatif ‘nak’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

5. C.2. (a) Di awal ucapan saya ini, saya **nak** menzahirkan rasa terima kasih dan penghargaan saya kepada anda semua sebagai rakyat Malaysia. (b) Anda telah berjaya menjalankan peranan masing-masing dalam membendung wabak ini.
6. E.35. (a) Tetapi, saya **nak** nasihatkan supaya kita jangan alpa. (b) Kita masih di peringkat awal pelaksanaan PKPB. (c) Dengan jumlah orang ramai yang mula keluar dari rumah untuk bekerja semakin meningkat, risiko jangkitan juga turut meningkat.

Pada data 5, pewacana memanfaatkan kata modaliti “**nak**” dalam ayat (a) untuk menyatakan kehendaknya melahirkan rasa syukur dan penghargaan atas kejayaan rakyat menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19. Pada data 6 pula, kata modaliti “**nak**” menunjukkan kemahuan pewacana menasihati rakyatnya. Berdasarkan ayat berkenaan, pewacana menasihati rakyatnya agar tidak lupa akan peringkat awal pelaksanaan PKPB. Kelonggaran keluar dari rumah untuk bekerja yang diberikan sewaktu pelaksanaan ini memberikan ruang kepada peningkatan risiko jangkitan.

Modaliti Informatif ‘mungkin’. Modaliti informatif ‘mungkin’ pula digunakan oleh pewacana sebanyak 27 kali. Modaliti

informatif ‘mungkin’ digunakan untuk merujuk keadaan, perbuatan atau sifat yang tidak pernah terjadi sehingga saat keadaan itu berlaku (Imran Ho-Abdullah, 1993). Modaliti ‘mungkin’ juga boleh membawa maksud wujudnya harapan ataupun bayangan tentang akan terjadinya sesuatu kejadian. Berdasarkan penelitian, modaliti informasi ‘mungkin’ yang digunakan oleh pewacana dalam teks perutusan merujuk maksud kebarangkalian terjadinya sesuatu keadaan atau tindakan. Contoh penggunaan modaliti informatif ‘mungkin’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

7. B.13. (a) Saya diberikan taklimat oleh pihak Majlis Keselamatan Negara bahawa peningkatan kes-kes positif COVID-19 dijangka meningkat lebih tinggi sekiranya kita tidak melakukan apa-apa.
(b) Jumlahnya **mungkin** meningkat berkali-kali ganda lagi seperti yang berlaku di beberapa buah negara lain.
8. D.32. (a) Saya ingin memberikan sedikit bayangan.
(b) Walaupun PKP **mungkin** akan dilanjutkan lagi selepas ini, syarikat-syarikat dalam sektor-sektor tertentu akan dibenarkan beroperasi, tertakluk kepada pematuhan SOP yang ketat.

Pada data 7, pewacana memanfaatkan kata modaliti “**mungkin**” dalam ayat (b)

untuk menyatakan jangkaan terhadap jumlah jangkitan wabak COVID-19. Secara jelas, pewacana menjangkakan bahawa jumlah jangkitan wabak COVID-19 akan meningkat dengan mendadaknya seperti negara-negara lain. Pada data 8 pula, kata modaliti “**mungkin**” dalam ayat (b) menunjukkan keadaan yang bakal berlaku walaupun PKP dilanjutkan. Berdasarkan ayat berkenaan, pewacana menyatakan bahawa kebenaran operasi akan diberikan kepada syarikat dalam sektor-sektor tertentu sekiranya PKP dilanjutkan lagi. Namun begitu, syarikat-syarikat yang dibenarkan beroperasi ini perlu mematuhi garis panduan keselamatan yang ketat.

Modaliti Informatif ‘ingin’. Selain penggunaan modaliti informatif ‘nak’ bagi merujuk maksud kemahuan, pewacana turut menggunakan modaliti informatif ‘ingin’ dalam teks perutusan bagi merujuk maksud yang sama. Namun begitu, modaliti informatif ‘ingin’ hanya digunakan oleh pewacana sebanyak 16 kali. Contoh penggunaan modaliti informatif ‘ingin’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

9. D.25. (a) Sehubungan itu, saya **ingin** mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan yang dijangka berakhir pada 28 April 2020 akan dilanjutkan untuk tempoh dua minggu lagi, iaitu sehingga 12 Mei 2020.
10. F.20. (b) Namun, saya **ingin** mengingatkan sekiranya berlaku peningkatan mendadak

kes positif COVID-19 dalam tempoh ini, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan atau PKPD di kawasan atau lokaliti yang berkenaan.

Pada data 9, pewacana memanfaatkan kata modaliti “**ingin**” dalam ayat (a) untuk menyatakan kehendaknya mengumumkan pelanjutan PKP. Menurut pewacana, penamat PKP pada 28 April 2020 akan dilanjutkan hingga 12 Mei 2020. Pada data 10, kata modaliti “**ingin**” dalam ayat (b) menunjukkan kemahuan pewacana mengingatkan rakyatnya tentang pelaksanaan PKPD. Berdasarkan ayat berkenaan, jika terdapat peningkatan kes jangkitan wabak COVID-19 di kawasan atau lokaliti tertentu, kerajaan tidak teragak-agak untuk melaksanakan PKPD di kawasan atau lokaliti tersebut.

Modaliti Informatif ‘pasti’. Selanjutnya, pewacana turut memanfaatkan modaliti informatif ‘pasti’ dalam teks perutusan khasnya, iaitu sebanyak 15 kali. Modaliti informatif ‘pasti’ merujuk penyataan informasi yang membawa maksud kepastian (Asmah Omar, 2015). Berdasarkan teks perutusan yang dikaji, penggunaan modaliti informatif ‘pasti’ telah menggambarkan kepastian yang dirasakan oleh pewacana terhadap keadaan yang dihadapi rakyat. Contoh penggunaan modaliti informatif ‘pasti’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

11. A.13. (a) Kita telah melihat peningkatan wabak COVID-19 secara mendadak daripada puluhan orang yang dijangkiti virus ini kepada ribuan orang dalam masa yang singkat di beberapa buah negara lain. (b) Sudah **pasti** saudara-saudari tidak mahu keadaan yang sama berlaku di negara kita.
12. B.6. (a) Saya tahu, bukan mudah untuk saudara-saudari duduk diam-diam di rumah untuk satu tempoh masa yang agak lama. (b) **Pastinya** banyak cabaran yang saudara-saudari hadapi pada waktu ini. (c) Tiba-tiba gaya hidup kita berubah dengan sekelip mata.

Pada data 11, kata modaliti “**pasti**” dalam ayat (a) menunjukkan informasi yang berkaitan dengan kepastian pewacana terhadap kemahuan rakyatnya. Dalam ayat tersebut, pewacana menyatakan bahawa rakyatnya pasti tidak mahu peningkatan jangkitan virus yang berlaku di negara-negara lain terjadi di negara ini. Pada data 12 pula, kata modaliti “**pastinya**” dalam ayat (b) menunjukkan informasi yang berkaitan dengan kepastian pewacana terhadap keadaan yang dihadapi oleh rakyat. Berdasarkan ayat tersebut, pewacana menyatakan bahawa beliau pasti terdapat banyak cabaran yang dihadapi rakyat sewaktu pandemik ini, terutamanya perubahan gaya hidup.

Modaliti Informatif ‘perlu’. Seterusnya, pewacana turut memanfaatkan modaliti informatif ‘perlu’ dalam teks perutusan khasnya, iaitu sebanyak 8 kali. Modaliti informatif ‘perlu’ berfungsi untuk menyampaikan informasi yang bersifat keperluan (Imran Ho-Abdullah, 1993). Berdasarkan teks perutusan yang dikaji, penggunaan modaliti informatif ‘perlu’ menunjukkan maklumat yang bercirikan keperluan terhadap sesuatu keadaan ataupun tindakan. Contoh penggunaan modaliti informatif ‘perlu’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

13. C.28. (a) Banyak lagi contoh-contoh lain yang **tak perlu** saya sebut kerana saya fikir saudara saudari faham maksud kebiasaan baharu yang mesti kita amalkan dalam menjalani kehidupan sehari-hari untuk tempoh yang mendatang.
14. E.37. (a) Oleh sebab itu, saya nak merayu kepada saudara saudari semua supaya patuhilah SOP yang ditetapkan oleh kerajaan. (b) Amalkan penjarakan sosial. (c) Pakai penutup mulut dan hidung. (d) Sentiasa basuh tangan atau gunakan *hand sanitizer*. (e) Selain itu, keluar rumah hanya jika **perlu** sahaja.

Pada data 13, pewacana memanfaatkan kata modaliti “**perlu**” dan kata nafi “**tak**” dalam ayat (a) untuk menyatakan informasi tentang ketidakperluan pewacana

memberikan contoh-contoh maksud kebiasaan baharu kepada rakyat kerana beliau fikir rakyat faham akan maksud tersebut. Kata nafi ‘tak’ digunakan untuk menidakkan sesuatu perkara (Nasroniazam Abu Bakar Sidiq, 2016). Kata nafi ‘tak’ juga merupakan singkatan kepada kata nafi ‘tidak’. Pada data 14 pula, kata modaliti “**perlu**” dalam ayat (d) menunjukkan informasi keperluan tentang pematuhan garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan. Berdasarkan ayat berkenaan, pewacana merayu kepada rakyat agar keluar rumah sekiranya mempunyai keperluan penting sahaja.

Modaliti Informatif ‘mahu’. Selain penggunaan modaliti informatif ‘nak’ dan ‘ingin’ bagi merujuk maksud kemahuan, pewacana turut menggunakan modaliti informatif ‘mahu’ dalam teks perutusan untuk merujuk maksud yang sama. Namun begitu, penggunaan modaliti informatif ‘mahu’ kurang digunakan kerana hanya digunakan sebanyak 6 kali. Contoh penggunaan modaliti informatif ‘mahu’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

15. F.18. (c) Saya tahu saudara-saudari juga **mahu** menjalani kehidupan seperti biasa. (d) Saudara-saudari ingin keluar bekerja, berniaga, beriadah, melancong bersama keluarga dan melakukan aktiviti-aktiviti lain dalam kehidupan seharian.
16. G.15. (b) Saya pasti saudara saudari **tidak mahu** kerajaan

kembali melaksanakan *lock down* sekiranya kes-kes COVID-19 meningkat dengan mendadak. (c) Saya juga berdoa dan berharap agar kita tidak perlu sampai ke tahap itu.

Penggunaan kata modaliti “**mahu**” dalam ayat (b) pada data 15 menunjukkan informasi tentang kemahuan rakyat yang ingin menjalani kehidupan seperti biasa sebelum kewujudan wabak COVID-19. Selain data 15, data 16 menunjukkan gandingan kata nafi “**tidak**” dan kata modaliti “**mahu**” dalam ayat (b) untuk menyatakan informasi tentang rakyatnya yang tidak mahu pelaksanaan semula perintah kawalan jika kes COVID-19 bertambah. Jika diteliti, kata modaliti ‘mahu’ banyak digunakan untuk menyatakan informasi tentang kemahuan rakyat berbanding dengan kata modaliti ‘nak’, ‘ingin’ dan ‘hendak’ yang digunakan untuk menyatakan informasi tentang kemahuan pewacana.

Modaliti Informatif ‘hendak’. Selain penggunaan modaliti informatif ‘nak’, ‘ingin’ dan ‘mahu’ bagi merujuk maksud kemahuan, pewacana turut menggunakan modaliti informatif ‘hendak’ dalam teks perutusan untuk merujuk maksud yang sama. Namun begitu, modaliti informatif ‘hendak’ kurang digunakan kerana hanya digunakan sebanyak 5 kali. Contoh penggunaan modaliti informatif ‘hendak’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

17. B.10.(a) Saya **hendak** menyebut di awal-awal ini bahawa

keadaan berkemungkinan menjadi lebih sukar. COVID-19 adalah sejenis wabak yang tidak pernah kita hadapi sebelum ini.

18. G.27. (a) Saya juga **hendak** mengingatkan saudara-saudari yang pulang dari luar negara supaya menjalani kuarantin di rumah selama 14 hari dengan penuh berdisiplin.

Pada data 17, pewacana memanfaatkan kata modaliti “**hendak**” dalam ayat (a) untuk menyatakan kemahuannya memberitahu rakyat tentang keadaan yang barangkali menjadi lebih sukar. Hal ini dikatakan demikian kerana wabak COVID-19 tidak pernah wujud sebelum ini. Pada data 18 pula, pewacana menggunakan kata modaliti “**hendak**” dalam ayat (a) untuk menyatakan informasi tentang kemahuannya memberikan peringatan kepada rakyat. Berdasarkan ayat tersebut, pewacana hendak mengingatkan individu yang pulang dari luar negara untuk mengasingkan diri di rumah selama 14 hari.

Penggunaan modaliti informatif dalam teks perutusan khas PKP berperanan sebagai ujaran bercirikan maklumat. Modaliti informatif dijana untuk menyalurkan maklumat yang berlingkungan makna keupayaan, keizinan, kemungkinan, keperluan, keinginan dan kepastian. Dalam erti kata lain, modaliti informatif tidak meraih sebarang unsur tanggungjawab daripada rakyat. Walaupun modaliti informatif hanya berfungsi untuk menyampaikan maklumat, kehadirannya mampu menggambarkan

hubungan sosial antara pewacana dengan rakyat. Penggunaan modaliti informatif dalam teks perutusan menunjukkan pewacana berusaha membina hubungan sosial yang santai dengan rakyatnya. Hubungan yang santai ini dapat dilihat menerusi kekerapan modaliti informatif yang lebih banyak berbanding dengan modaliti perintah. Keadaan inilah yang disebut oleh Idris Aman (2006) sebagai hubungan yang ‘relaks’.

Walaupun penggunaan modaliti informatif berfungsi untuk menyampaikan maklumat, penggunaannya dapat menggambarkan kuasa pewacana. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa sering dijadikan alat untuk menunjukkan wujudnya kuasa oleh pemakai bahasa (Kamsiah Abdullah, 2014). Penggunaan kuasa bahasa begini dapat dilihat dalam lingkungan kuasa pemerintah, kuasa undang-undang dan seumpamanya. Menurut Weber (1978), seperti yang dirujuk oleh Best (2001), semakin besar kuasa pemakai bahasa, semakin besar kuasa bahasa yang dapat digunakan terhadap mereka yang tiada kuasa. Misalnya, penggunaan modaliti informatif ‘boleh’ yang tinggi dalam teks perutusan telah menggambarkan kekuasaan pewacana sebagai Perdana Menteri Malaysia yang membuat persetujuan tentang perkara yang melibatkan kepentingan pihak-pihak tertentu sewaktu berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19. Dalam hal ini, kuasa bahasa seseorang dapat ‘menghalalkan’ sesuatu yang tidak halal di sisi undang-undang atau sebaliknya (Bourdieu, 1980).

Modaliti Perintah

Modaliti perintah merupakan ujaran yang mengusulkan sesuatu permintaan. Permintaan ini harus disambut dengan tindakan susulan oleh khalayak sasaran. Kenyataan ini selaras dengan pendapat Halliday dan Matthiessen (2013) yang menegaskan bahawa “*Modality represents the speaker's angle either on the validity of the assertion or on its right and wrongs of the proposal...*” (p. 624). Secara jelas, modaliti perintah memerlukan sasaran melakukan sesuatu tindakan (Rohaidah Haron, 2016). Lazimnya, modaliti perintah mempunyai fitur obligasi (+ obligasi) atau komitmen yang diminta dalam ayat (Idris Aman, 2006). Sehubungan dengan itu, modaliti perintah mampu menggesa rakyat merealisasikan permintaan pewacana untuk membendung penularan wabak COVID-19 dengan penuh komited sebagai tanggungjawab sosial. Huraian lanjut bagi setiap jenis modaliti perintah adalah seperti di bawah.

Modaliti Perintah ‘mesti’. Modaliti perintah ‘mesti’ merupakan modaliti perintah yang paling banyak digunakan oleh pewacana, iaitu sebanyak 28 kali. Modaliti perintah ‘mesti’ merujuk kemestian sesuatu perintah (Asmah Omar, 2015). Menurut Imran Ho-Abdullah (1993), modaliti perintah ‘mesti’ mempunyai maksud yang sama dengan modaliti perintah ‘perlu’. Namun begitu, modaliti perintah ‘mesti’ mempunyai tahap tanggungjawab yang lebih tinggi berbanding dengan modaliti perintah ‘perlu’. Berdasarkan teks perutusan khas yang dikaji, penggunaan modaliti

perintah ‘mesti’ merujuk kemestian arahan yang perlu dilaksanakan oleh rakyat untuk mengekang wabak ini. Contoh penggunaan modaliti perintah ‘mesti’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

19. A.18. (a) Saya merayu kepada saudara-saudari agar sentiasa mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan ini. (b) Ini adalah tanggungjawab kita bersama yang **mesti** kita laksanakan sebagai rakyat yang prihatin terhadap keluarga kita, masyarakat kita dan negara kita.
20. F.13. (d) Penjarakan sosial, penggunaan pelitup muka di tempat awam dan membasuh tangan menggunakan sabun atau *hand sanitizer* merupakan kebiasaan baharu yang **mesti** diamalkan.

Pada data 19, pewacana memanfaatkan kata modaliti “**mesti**” dalam ayat (a) untuk menunjukkan permintaan yang ditanggungjawabkan kepada rakyat dan dirinya supaya sentiasa mematuhi segala peraturan yang ditetapkan semasa pelaksanaan PKP. Pada data 20 pula, pewacana menggunakan kata modaliti “**mesti**” dalam ayat (a) untuk memberikan arahan tentang kebiasaan baharu yang mesti diamalkan oleh rakyat. Berdasarkan ayat tersebut, pewacana mengarah rakyatnya untuk mengamalkan kebiasaan baharu ketika berhadapan dengan wabak

COVID-19. Kebiasaan baharu ini meliputi penjarakan fizikal, penggunaan pelitup muka, penggunaan pensanitasi tangan dan seumpamanya.

Modaliti Perintah ‘boleh’. Di samping itu, pewacana turut memanfaatkan modaliti perintah ‘boleh’ sebanyak 16 kali. Walau bagaimanapun, modaliti ‘boleh’ yang digunakan sebagai maksud perintah tidak berdiri sendiri, tetapi digandingkan dengan kata nafi ‘tidak’ untuk mewujudkan maksud perintah yang bersifat larangan terhadap sesuatu tindakan ataupun perkara yang diminta. Selain berfungsi menidakkannya atau menafikan sesuatu, kata nafi ‘tidak’ juga digunakan untuk menunjukkan maksud larangan (Nasroniazam Abu Bakar Sidiq, 2016). Contoh penggunaan modaliti perintah ‘boleh’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

21. A.14. (a) Kita **tidak boleh** menunggu lebih lama sehingga keadaan menjadi lebih meruncing. (b) Tindakan drastik perlu diambil dalam kadar segera untuk menyekat penularan wabak ini dengan cara mengehadkan pergerakan orang ramai.
22. C.13. (a) Namun begitu, kita **tidak boleh** mengambil mudah situasi yang sedang berlaku. (b) Penularan wabak ini masih di peringkat pertengahan dan memerlukan tindakan

pencegahan serta kawalan yang berterusan.

Pada data 21, pewacana memanfaatkan gandingan kata nafi “**tidak**” dan kata modaliti “**boleh**” dalam ayat (a) untuk melarang diri dan rakyatnya menunggu lama sehingga penularan wabak COVID-19 menjadi lebih teruk. Sehubungan dengan itu, tindakan yang cepat perlu diambil untuk mengekang penularan wabak ini. Pada data 22 pula, pewacana menggunakan kata nafi “**tidak**” dan kata modaliti “**mesti**” dalam ayat (a) untuk menegah diri dan rakyatnya mengambil mudah penularan wabak COVID-19 yang sedang berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana kewujudan wabak ini masih baharu dan langkah pencegahan yang berterusan diperlukan untuk mengawal penyebarannya.

Modaliti Perintah ‘perlu’. Selain menggunakan modaliti perintah ‘mesti’ bagi merujuk maksud kemestian, pewacana turut memanfaatkan modaliti perintah ‘perlu’ untuk merujuk maksud yang sama. Walau bagaimanapun, Rohaidah Haron (2016) menegaskan bahawa tahap tanggungjawab yang dibawa oleh modaliti perintah ‘perlu’ lebih bersifat tolak ansur ataupun mesra. Modaliti perintah ‘perlu’ telah digunakan oleh pewacana sebanyak 12 kali. Contoh penggunaan modaliti perintah ‘perlu’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

23. D.24. (a) Berdasarkan data-data yang dibentangkan kepada saya oleh Kementerian Kesihatan,

saya dapati bahawa usaha-usaha untuk membendung wabak COVID-19 masih **perlu** diteruskan.

24. E.18. (a) Walaupun kita telah mencapai banyak perkembangan positif dalam usaha memerangi wabak COVID-19, usaha kita masih belum berjaya sepenuhnya. (b) Langkah-langkah masih **perlu** diambil untuk memerangi wabak ini.

Pada data 23, kata modaliti “**perlu**” dalam ayat (a) digunakan oleh pewacana untuk memberikan arahan kepada rakyat tentang langkah-langkah mengekang penularan wabak COVID-19 yang perlu sentiasa diambil. Langkah-langkah yang berterusan ini dibuat berdasarkan bukti-bukti yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pada data 24 pula, kata modaliti “**perlu**” dalam ayat (b) menunjukkan arahan pewacana tentang tindakan-tindakan yang masih perlu dilaksanakan oleh rakyat untuk menghentikan wabak ini. Menurut pewacana, walaupun negara telah merekodkan jangkitan COVID-19 yang semakin menurun, wabak COVID-19 masih belum dihentikan sepenuhnya.

Modaliti Perintah ‘hendak’. Selain berfungsi sebagai modaliti yang bersifat informatif, modaliti ‘hendak’ juga merujuk maksud perintah. Dalam teks perutusan khas yang dikaji, pewacana telah memanfaatkan

modaliti perintah ‘hendak’ sebanyak 5 kali. Modaliti ‘hendak’ yang bersifat informatif dan perintah dapat dibezaikan melalui pelaku yang berperanan sebagai subjek dalam ayat. Contohnya, modaliti informatif ‘hendak’ lazimnya hadir selepas subjek yang diwakili oleh kata ganti nama diri pertama. Modaliti perintah ‘hendak’ pula hadir selepas subjek yang diwakili oleh kata ganti nama diri kedua atau ketiga. Contoh penggunaan modaliti perintah ‘hendak’ boleh dilihat menerusi dua contoh petikan berikut:

25. A . 3 6 . (a) U n t u k menguatkuasakan larangan ini, semua rumah ibadat dan premis perniagaan **hendaklah** ditutup, kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barang keperluan harian.
26. E.24. (a) Setiap keluarga **hendaklah** mematuhi SOP kesihatan seperti penjarakan sosial, pemakaian penutup mulut dan hidung, dan amalan kebersihan kendiri seperti penggunaan *hand sanitizer* sepanjang sambutan perayaan ini.

Pada data 25, pewacana memanfaatkan kata modaliti “**hendaklah**” dalam ayat (a) untuk memberikan arahan kepada semua rumah ibadat dan premis perniagaan supaya menghentikan operasi sewaktu pelaksanaan PKP. Namun begitu, kedai atau pasar raya yang menjual barang keperluan harian

dibenarkan beroperasi. Pada data 26 pula, pewacana menggunakan kata modaliti “**hendaklah**” dalam ayat (a) untuk mengarah rakyatnya mematuhi garis panduan kesihatan yang telah ditetapkan sewaktu musim perayaan seperti menjaga jarak sosial, memakai pelitup muka dan mengamalkan amalan kebersihan kendiri. Jika diteliti, kata modaliti ‘hendak’ yang digunakan oleh pewacana banyak digandingkan dengan partikel ‘-lah’ untuk mewujudkan kelembutan apabila memberikan arahan. Menurut Abdullah Hassan (2005), partikel ‘-lah’ bertujuan untuk melahirkan suasana yang lebih sopan.

Penggunaan modaliti perintah dalam teks perutusan khas PKP merupakan salah satu cara pewacana meminta rakyatnya melakukan sesuatu tindakan ketika berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19. Hal ini dikatakan demikian kerana modaliti perintah mempunyai kaitan dengan kuasa (Rohaidah Haron, 2016). Lazimnya, individu yang berkuasa seperti pemimpin sahaja yang dapat mempengaruhi orang lain untuk mencapai beberapa matlamat dengan menggerakkan pelibatan mereka (Hogan & Kaiser, 2005). Sehubungan dengan itu, modaliti perintah yang digunakan oleh pewacana dapat dikaitkan dengan kedudukan dan peranan beliau sebagai Perdana Menteri. Modaliti perintah yang ditemukan dalam teks perutusan menunjukkan bahawa pewacana ialah Perdana Menteri yang mampu menggerakkan sesuatu tindakan untuk menyelesaikan penularan wabak COVID-19.

Sehubungan dengan itu, penggunaan modaliti perintah dalam teks perutusan mampu menjelaskan dan menilai hubungan sosial antara pewacana dengan rakyat. Ketika berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19, pewacana telah mengambil pendekatan yang tegas apabila mengusulkan permintaan. Keadaan ini boleh dibuktikan melalui penggunaan modaliti perintah ‘mesti’ yang lebih dominan berbanding dengan modaliti perintah lain. Penggunaan modaliti ‘mesti’ yang kerap menunjukkan bahawa pewacana bijak membina hubungan sosial dengan rakyat ketika berhadapan dengan suasana genting. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan permintaan yang diusulkan kepada rakyat bernada serius dan sesuai dengan situasi yang sedang dialami. Maksudnya, arahan membendung penularan wabak COVID-19 mempunyai unsur tanggungjawab yang tinggi dan perlu dilaksanakan oleh rakyat tanpa gagal.

KESIMPULAN

Pemanfaatan modaliti yang berbeza-beza telah menunjukkan kepelbagaiannya sikap ataupun perasaan pewacana terhadap sesuatu perkara yang diutarakan. Modaliti yang dimanfaatkan bukan sahaja menggambarkan fungsi ideasional semata-mata, tetapi turut memperkenalkan fungsi interpersonal antara pewacana dengan rakyat. Menurut Fairclough (2003), “*the main reason for analysing modality is to identify the interpersonal function built in text*” (p. 166). Sehubungan dengan itu, modaliti merupakan salah satu alat yang penting

untuk menilai dan menjelaskan hubungan sosial, terutamanya hubungan yang dibina oleh pewacana dengan rakyatnya ketika berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19. Pengenalpastian modaliti telah membantu proses pemahaman yang tersirat di sebalik teks perutusan khas PKP. Maksudnya, teks yang disampaikan bukan sahaja mengandungi kata-kata secara dasar, malah teks ini juga mempunyai maksud tertentu menerusi penggunaan modaliti tertentu. Kenyataan ini bertepatan dengan dakwaan Fairclough (2013) yang menegaskan bahawa kebanyakan tulisan ataupun lisan tidak dibentuk sewenang-wenangnya, tetapi sarat dengan makna tertentu. Secara jelas, kajian ini bukan sahaja telah meneliti aspek bahasa semata-mata, malah secara tidak langsung, kajian ini juga telah mendalami cara bahasa disusun atur oleh kerajaan ketika negara berhadapan dengan pandemik. Keadaan ini membuktikan bahawa penelitian ilmu linguistik bukan sahaja mampu meningkatkan peranan bidang bahasa, tetapi turut bermanfaat dalam kehidupan manusia.

PENGHARGAAN

Terima kasih saya ucapkan kepada Prof. Mohd Azidan Abdul Jabar, Dr. Rozita Che Rodi dan Prof. Madya Dr. Adlina Ab. Halim kerana telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan semasa penyelidikan ini dijalankan.

RUJUKAN

Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik am.* PTS Professional Publishing.

- Alkhawaldeh, A. A. (2021). Persuasive strategies of Jordanian government in fighting COVID-19. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(1), 274-293. <https://doi.org/10.17576/gema-2021-2101-16>
- Al-Salman, S., & Haider, A. S. (2021). COVID-19 trending neologisms and word formation processes in English. *Russian Journal of Linguistics*, 25(1), 24-42. <https://doi.org/10.22363/2687-0088-2021-25-1-24-42>
- Asmah Omar. (2015). *Nahu Melayu kemas kini*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Best, S. (2001). *Introduction to politics and society*. SAGE Publications.
- Bourdieu, P. (1980). *The logic of practice*. Stanford University Press.
- Bui, B., Moses, O., & Dumay, J. (2021). The rhetoric of New Zealand's COVID-19 response. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 35(1), 186-198. <https://doi.org/10.1108/AAAJ-08-2020-4890>
- Combes, M. (2020, Mac 20). Non, nous ne sommes pas en guerre. Nous sommes en pandémie. Et c'est bien assez [Tidak, kita tidak berperang. Kita berada dalam pandemik. Dan itu sudah cukup]. *Mediapart*. https://blogs.mediapart.fr/maxime-combes/blog/200320/non-nous-ne-sommes-pas-en-guerre-nous-sommes-en-pandemie-et-cest-bien-assez?utm_source=twitter&utm_medium=social&utm_
- Dayang Sariah Abang Suhai, Kesumawati Abu Bakar, & Norsimah Mat Awal. (2020). Modaliti dalam wacana perbahasan parlimen. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(4), 186-208. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2004-11>
- Fairclough, N. (2003). *Analysing discourse: Textual analysis for social research*. Routledge.
- Fairclough, N. (2013). *Critical discourse analysis: The critical study of language*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315834368>

- Haddad, A. H., & Montero-Martínez, S. (2020). COVID-19: A metaphor-based neologism and its translation into Arabic. *Journal of Science Communication*, 19(5), Article A01. <https://doi.org/10.22323/2.19050201>
- Halliday, M. A. K. (1994). *An introduction to functional grammar*. Edward Arnold.
- Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. M. I. M. (2013). *An introduction to functional grammar* (3rd ed.). Routledge.
- Haslina Haroon, & Hasuria Che Omar. (2017). Kata bantu ragam dalam terjemahan Inggeris-Melayu. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 191-212.
- Hodge, R., & Kress, G. (1993). *Language as ideology*. Routledge.
- Hogan, R., & Kaiser, R. B. (2005). What we know about leadership. *Review of General Psychology*, 9(2), 169-180. <https://doi.org/10.1037/1089-2680.9.2.169>
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan kepimpinan: Analisis wacana Mahathir Mohamad*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imran Ho-Abdullah. (1993). *The semantics of the modal auxiliaries of Malay*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iqbal, Z., Aslam, M. Z., Aslam, T., Ashraf, R., Kashif, M., & Nasir, H. (2020). Persuasive power concerning COVID-19 employed by Premier Imran Khan: A socio-political discourse analysis. *Register Journal*, 13(1), 208-230. <https://doi.org/10.18326/rjt.v13i1.208-230>
- Junaini Kasdan, Rusmadi Baharudin, & Anis Shahira Shamsuri. (2020). COVID-19 dalam korpus peristilahan bahasa Melayu: Analisis sosioterminologi. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(3), 221-241. <https://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-13>
- Kamsiah Abdullah. (2014). Kuasa bahasa dan sastera Melayu dalam tatatingkat bahasa-bahasa di dunia. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu*, 2(1), 207-228.
- Kumaran, R. (2020). ‘A Long Battle Ahead’: Malaysian and Singaporean Prime Ministers employ war Metaphors for COVID-19. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(3), 261-267. <https://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-15>
- Kuße, H. (2021). The linguistic landscape of the coronavirus crisis in foreign language didactics by using the example of German. In M. Vidrevich (Ed.), *SHS Web of Conferences* (pp. 01001). EDP Sciences. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20219901001>
- Leavy, P. (2014). *The Oxford handbook of qualitative research*. Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199811755.001.0001>
- Liaw, Y. F., & Abdullah Hassan. (1994). *Nahu Melayu moden*. Penerbit Fajar Bakti.
- Muhammad Faizul Abd Hamid, & Harishon Radzi. (2020). Struktur tema dalam manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum Ke-14. *Jurnal Linguistik*, 24(1), 109-125.
- Muhammad Hisyam Haliah, & Ab. Razak Ab. Karim. (2019). Modaliti dalam warkah-warkah sosial Melayu abad ke-17 hingga ke-19: Ekspresi sikap, hubungan dan kuasa. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*, 39-55. http://conference.kuis.edu.my/pasak4/images/kk/sb/001-KK_HISYAM_HALIAH_ETAL.pdf
- Nasroniazam Abu Bakar Sidiq. (2016). Peluasan makna kata nafi bukan dan tidak: Analisis korpus bahasa. *PENDETA*, 7, 73-84.
- Olimat, S. N. (2020). Words as powerful weapons: Dysphemism in Trump’s COVID-19 speeches. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 26(3), 17-29. <http://doi.org/10.17576/3L-2020-2603-02>

- Pejabat Perdana Menteri. (2021). <https://www.pmo.gov.my/ucapan/>
- Rico, S., & Herrero, Y. (2020, Mac 22). ¿Estamos en guerra? [Adakah kita dalam perang?]. *CTXT*. <https://ctxt.es/es/20200302/Firmas/31465/catastrofe-coronavirus-guerra-cuidados-ciudadanos-ejercito-alba-rico-yayo-herrero.htm>
- Rohaidah Haron, Madiawati Mamat @ Mustaffa, & Maizira Abdul Majid. (2019). Pembinaan identiti kepimpinan dalam wacana politik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 386-407. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3504-24>
- Rohaidah Haron. (2016). *Bahasa dan identiti wacana Mohd Najib Razak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan, J. S. (1992). Kajian awal mengenai modaliti dalam bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 10, 969-976.
- Tisdall, S. (2020, Mac 21). Lay off those war metaphors, world leaders. You could be the next casualty. *The Guardian*. <https://www.theguardian.com/commentisfree/2020/mar/21/donald-trump-borisjohnson-coronavirus>
- Wodak, R. (2009). *The discourse of politics in action: Politics as usual*. Palgrave Macmillan.